

**KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
SUKATAN PELAJARAN SEJARAH
TINGKATAN EMPAT:
SATU KAJIAN KES**

PUSHPALATHA A/P SIVAMUGAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

**KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM SUKATAN PELAJARAN
SEJARAH TINGKATAN EMPAT:
SATU KAJIAN KES**

PUSHPALATHA A/P SIVAMUGAM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN DAN PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

30.6.2006

.....
PUSHPALATHA A/P SIVAMUGAM
200200858

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. N.S.Rajendran kerana kesudian beliau menjadi penyelia saya walaupun sibuk dengan tugas akademik. Dorongan, semangat dan tunjuk ajar yang beliau berikan selama ini, dapat saya menyiapkan disertasi ini sesempurna yang mungkin.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada semua pensyarah fakulti FSKPM yang banyak membantu proses penyelidikan ini. Setinggi penghargaan juga dihulurkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana kebenaran untuk menjalankan sebarang penyelidikan.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada pegawai kurikulum sejarah di Pusat Perkembangan kurikulum dan Jabatan Pelajaran Negeri yang terlibat secara langsung sebagai responden kajian. Terima kasih juga saya ucapkan kepada guru-guru Sejarah yang turut terlibat secara langsung menjadi responden kajian. Tidak ketinggalan juga para pengetua sekolah menengah di sekitar daerah Kinta, yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah mereka. Begitu juga kepada Pn. Hanisafinas bt. Mohamad Husin yang membantu menterjemahkan transkripsi temu bual untuk kajian ini.

Saya juga bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberi kekuatan dan semangat menyiapkan penyelidikan ini. Saya juga berterima kasih kepada ibu bapa saya yang sentiasa memberkati saya sepanjang penulisan disertasi ini walaupun kini sudah tiada lagi. Tidak ketinggalan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu saudara saya Puan Kamala Devi Somoo dan saudara-mara yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan moral kepada saya selama ini. Begitu juga dengan rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi perangsang dan bantuan semasa saya memerlukannya.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat membantu saya secara langsung dan tidak langsung untuk menyempurnakan kajian ini, diucapkan terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyiasat sejauh manakah Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat yang telah disemak semula memperlihatkan kehadiran komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian ini juga menyiasat apakah tafsiran guru tentang komponen KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam membuat tafsiran dan dalam usaha melaksanakannya. Kajian ini juga bertujuan melihat apakah tafsiran yang dibuat oleh pegawai kurikulum di Pusat Perkembangan Kurikulum dan di Jabatan Pelajaran Negeri tentang kehadiran komponen KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. Data-data dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen dan kemudian disusuli oleh temu bual dengan enam orang guru dan tiga orang pegawai kurikulum Sejarah di Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pelajaran Negeri. Data temu bual ini juga seterusnya disokong melalui dapatan soal-selidik yang ditadbir ke atas 163 orang guru Sejarah yang mengajar Sejarah Tingkatan Empat dan Lima di salah sebuah daerah di Perak dengan tujuan memperkukuh lagi dapatan kajian. Analisis kajian dokumen menunjukkan kehadiran komponen KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah dan Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat secara penyebatian. Malah kehadiran dan kewujudan komponen ini juga turut diakui oleh pegawai kurikulum Sejarah di PPK dan JPN. Namun dapatan kajian jelas menunjukkan tafsiran guru tentang komponen KBAT ini pelbagai terutamanya dari segi pemahaman mereka tentang konsep itu sendiri dan juga tafsiran mereka tentang komponen KBAT ini dalam Sukatan Pelajaran Sejarah. Namun sebahagian besar daripada mereka turut mengakui kehadiran komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat.

ABSTRACT

This study seeks to investigate the extent to which the recently revised Form Four History Syllabus has incorporated the Higher Order Thinking Skills. The study also investigates the views of Curriculum and Education department officials as regards to the incorporation of the skills. The teachers' interpretation of these Higher Order Thinking Skills and the difficulty faced in infusing these skills in the classroom are also presented. Document analysis of the History Syllabus and Specifications for the purpose of identifying the Higher Order Skills was undertaken. These data were also supported with data collected through interviews with six teachers and three Education officials from the History department of the Curriculum Development Centre and State Education Department. The data were again reinforced through the administering of a questionnaire to 163 teachers throughout a particular district in Perak. The findings of the research suggest that the Higher Order Thinking skills are indeed incorporated in the Form Four History Syllabus. Findings of this study also show that the teachers' interpretations of the Higher Order Thinking Skills vary according to their understanding of these skills. However, the majority of teachers concur that the Higher Order Thinking skills are reflected in the form Four Syllabus.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Definisi Istilah	13
1.6.1 Takrif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	13
1.6.2 Takrif Kajian Kes	15
1.6.3 Takrif Kurikulum	16
1.7 Batasan Kajian	17
 BAB 2	
KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Kesediaan Guru	20
2.3 Prespektif Pelajar	28
2.4 Kurikulum	32
2.5 Rumusan	43

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Konteks	46
3.3	Sumber Data	48
3.4	Sampel	49
3.5	Instrumen	51
3.6	Pengumpulan Data	51
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	53
3.7.1	Analisis Kebolehpercayaan Soalan Persepsi Guru Mengikut Skala Likert	
	Persetujuan Tentang Penguasaan Unsur KBAT Dan Apakah Tafsiran Guru-guru Tentang KBAT Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat	55
3.8	Etika	55
3.9	Analisis dan Intrepretasi Data	56

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	58
4.2	Persoalan Kajian 1: Sejauh Manakah Komponen KBAT Terdapat Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat	59
4.3	Rumusan Analitik	77
4.4	Persoalan Kajian 2 : Sejauh Manakah Perincian Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Memperlihatkan Ciri-ciri KBAT	79
4.5	Rumusan Analitik	104
4.6	Persoalan Kajian 3 : Adakah Unsur KBAT Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat Dapat Ditafsir Oleh Guru	106
4.7	Rumusan Analitik	127
4.8	Persoalan Kajian 4 : Apakah Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Membuat Tafsiran Dan Pelaksanaan KBAT	130
4.9	Rumusan Analitik	146
4.10	Persoalan Kajian 5 : Apakah Tafsiran Yang Dibuat Tentang Komponen KBAT Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat Oleh Pegawai Kurikulum Di JPN Dan PPK	149
4.11	Rumusan Analitik	166

BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI & CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	170
5.2	Rumusan	171
5.3	Implikasi Dan Cadangan	182
5.3.1	Pengubal Dasar	182
5.3.2	Penyelidik	183
5.3.3	Pelaksana Atau Guru	184
5.4	Penutup	186

BIBLIOGRAFI	187
--------------------	------------

LAMPIRAN :

- I. Soalan Temubual Bersama Guru
- II. Soalan Temubual Bersama Pegawai
- III. Borang Soal Selidik
- IV. Surat Kebenaran Dari EPRD
- V. Surat Kebenaran Dari JPN

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

3.1 Sumber Data

48

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada abad ke-21, kita sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran akibat globalisasi, liberalisasi, perkembangan teknologi maklumat, dan komunikasi (ICT). Perkembangan ini menuntut generasi kini memahami konsep ilmu tanpa sempadan bagi menghadapi persaingan dengan negara lain. Konsep ilmu tanpa sempadan ini memerlukan setiap individu dibekalkan dengan pemikiran yang matang dan sikap keterbukaan dalam menangani isu-isu sejagat. Fenomena ini memerlukan sokongan padu daripada sektor pendidikan yang merupakan elemen utama bagi menjayakan agenda negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Perubahan-perubahan ini hanya mungkin sekiranya dunia pendidikan berubah sejajar dengan kehendak pembangunan sosial, ekonomi, dan politik. Oleh itu, generasi masa kini perlu didedahkan dengan pelbagai teknik pembelajaran untuk menghasilkan warga yang celik-akal, berfikiran waras, matang, dan menyesuaikan diri dalam setiap perkara yang dilalui. Malah pelajar yang bakal menghadapi dunia luar bukan sahaja perlu lengkap dengan pengetahuan, dan kemahiran tetapi memiliki ciri-ciri

‘K worker’, celik dan mahir dalam ICT serta mampu bersaing pada peringkat tempatan dan global.

Menurut Perdana Menteri Malaysia yang keempat dalam suatu ucapannya di Boston pada tahun 1996 berkata, “Walaupun Malaysia kaya dengan pelbagai sumber namun sekiranya kita tidak mempunyai kuasa fikir untuk memanfaatkan sumber-sumber ini maka kita tidak boleh mengaku bahawa kita kaya” (Abdul Rashid, 1999). Oleh itu, daripada pernyataan ini jelas menunjukkan rakyat Malaysia perlu berusaha mendapatkan kuasa fikir untuk mempercepat pembangunan dan meningkatkan kemakmuran negara. Justeru, situasi ini memerlukan suatu bentuk perubahan untuk memenuhi tuntutan tenaga kerja bagi menjana pembangunan negara dan ekonomi.

Oleh yang demikian, perubahan yang dibawa oleh arus globalisasi ini menuntut kita supaya meneliti semula semua program dan projek yang telah dirancang dan yang sedang dilaksanakan agar menghasilkan insan yang mempunyai kuasa berfikir, daya ketahanan yang tinggi, dan mampu memenuhi aspirasi dan kehendak dirinya, keluarga, masyarakat, dan negara. Hal ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Sejajar dengan tuntutan ini pelbagai usaha perlu diambil untuk membaiki, memperkukuh, dan mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Oleh yang demikian, kurikulum sekolah merupakan satu perkara yang harus diteliti dan digunakan untuk mengaplikasikan hasrat FPK yang dirancang dalam membentuk individu yang ideal.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah memikirkan cara memenuhi tuntutan-tuntutan yang sering melanda masyarakat dan negara kita. Perkara ini menyebabkan kurikulum sekolah perlu dikaji semula untuk memupuk Kemahiran Berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar (Rajendran, 2001b).

Sehubung ini, kurikulum sekolah telah disemak semula pada tahun 1993 dan pada tahun 2002 yang memberi penekanan untuk menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang maju dan berilmu. Malah pada masa yang sama murid juga dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertataetika tinggi, bijaksana serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan yang dibawa oleh globalisasi, liberalisasi, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang berlaku telah menyebabkan Sukatan Pelajaran disemak semula. Malah mengikut Rancangan Rangka Jangka Panjang 3 (RRJP3) yang dibentangkan di Parlimen pada April 2001 turut menggariskan dengan jelas ilmu dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia. Malah ia juga mencadangkan kurikulum sekolah dikaji semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar khususnya di peringkat rendah dan menengah. Berkaitan dengan tuntutan seperti ini, kurikulum sekolah telah dikaji semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan daya cipta di kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, dalam usaha memenuhi tuntutan-tuntutan ini Kurikulum Sekolah telah dikaji semula. Dalam usaha ini kurikulum Sejarah juga tidak terkecuali. Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat juga telah dikaji semula dan diguna pakai mulai tahun 2003.

Memandangkan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Sejarah juga merupakan satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari. Oleh yang demikian,

kurikulum Sejarah yang dihasilkan merupakan suatu kesinambungan antara peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) dengan Peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) supaya asas-asas pengetahuan, nilai-nilai murni, kemahiran belajar, dan pengalaman yang diperoleh dapat dikukuhkan dan dikembangkan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Malah Kurikulum Sejarah yang digubal sejak 1988 ternyata mempunyai objektif tertentu yang antaranya membolehkan pelajar mengambil iktibar daripada pengalaman Sejarah untuk meningkatkan daya pemikiran dan kematangan serta pada masa yang sama membolehkan pelajar menganalisis, merumus, dan menilai fakta-fakta Sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Oleh itu, timbul persoalan di sini sejauh manakah Objektif Kurikulum Sejarah memperlihatkan komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)?

Walaupun perincian dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat telah memperincikan peta domain pemikiran yang mengaitkan dua kemahiran berfikir dan dua proses berfikir. Dua kemahiran berfikir yang ditunjukkan ialah pemikiran kritis dan pemikiran kreatif. Manakala dua proses berfikir yang telah ditunjukkan ialah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang telah dipermudah dalam bentuk rajah. Peta domain ini, bertujuan menunjukkan matlamat pembelajaran kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang menuju kepada proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Jadual petunjuk pemikiran kritis dan kreatif juga disediakan. Jadual ini bertujuan memberi panduan dan memudahkan guru merancang serta melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PPK, 2002). Oleh yang demikian, kehadiran komponen KBAT tidak jelas dan tidak dinyatakan secara spesifik.

Namun menurut Arthur L. Costa (1999) dalam artikelnya *Changing Curriculum Means Changing Your Mind*, beliau menyarankan tujuh peralihan minda dalam kurikulum yang perlu dipatuhi. Malah beliau menyatakan beberapa prinsip yang perlu diambil kira sebelum merancang sesuatu kurikulum. Beliau menyarankan setiap individu mempunyai kemahiran dan bakat yang berbeza. Oleh itu, kita perlu cuba mengenal pasti dan mengembangkan bakat tertentu. Usaha ini dipercayai akan membawa kepada perkembangan akal dan kebijaksanaan dalam diri pelajar. Malah menurut beliau proses pembelajaran boleh berjaya apabila pelajar dapat membentuk pemahaman mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan perbincangan dengan rakan-rakan yang lain. Mereka tidak boleh memahami sesuatu dengan mengetahui jawapan yang betul sahaja. Hal ini menuntut pelajar yang berkebolehan berfikir secara kritis dan melihat sesuatu idea atau peristiwa dari pelbagai sudut. Kini sudah tiba masanya, kita berubah dari keseragaman kepada keupayaan, nilai, dan bakat yang dimiliki oleh seseorang yang boleh menggalakkan perkembangan intelek pelajar.

Sehubungan ini, Teori Konstruktivisme yang banyak ditekankan juga turut mewajibkan perkembangan minda murid. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan suatu persekitaran yang dapat menggalakkan penglibatan murid yang aktif dalam proses P & P dan pada masa dapat berfikir. Oleh itu, proses menjana pemikiran murid dapat dicapai apabila murid didedahkan dengan unsur KBAT.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan dan proses globalisasi yang pesat menuntut perubahan dalam sistem pendidikan yang bukan sahaja bertujuan melahirkan murid yang berilmu pengetahuan

tetapi pada masa yang sama memiliki kemahiran berfikir aras tinggi, kebolehan menyelesaikan masalah, dan boleh berfikir serta boleh menghasilkan sesuatu yang baru. Pengajaran Kemahiran Berfikir ini perlu dikembangkan kerana pemikiran kita selalunya tidak mencapai tahap yang tinggi. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan mengembangkan kemahiran berfikir murid-murid melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P & P).

Namun demikian, pelaksanaan pengajaran Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif dalam mata pelajaran Sejarah masih kurang diamalkan. Fenomena ini dapat dilihat dalam kajian Ahmad (1994) dan Ab Rahim (1985) yang mendapati bahawa kebanyakan guru tidak mempraktikkan strategi pemusatan kepada murid. Malah mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah (dipetik dalam Rosli, 1998) mendapati amalan biasa di bilik darjah masih bersifat tradisional iaitu guru masih menggunakan sebahagian besar masa P & P untuk bercakap dan memberi penerangan. Manakala penglibatan murid hanya didapati ketika menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh guru. Malah jawapan yang diberikan oleh pelajar lebih bersifat 'memuntahkan' semula apa yang disampaikan oleh guru.

Malah kajian yang dijalankan oleh Khairi (2000), mendapati walaupun guru-guru telah cuba menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif namun masih terdapat ruang yang masih belum dikuasai oleh guru dalam usaha menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Oleh yang demikian, amat jelas di sini untuk mengembangkan pemikiran murid, guru hendaklah sentiasa menyediakan ruang yang cukup bagi mengembangkan

daya intelek murid. Pembelajaran di dalam bilik darjah akan menjadi lebih seronok, mencabar, dan memberangsangkan apabila berlaku interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab guru di sekolah bagi mengorak langkah untuk melakukan inovasi atau penambahbaikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keupayaan guru untuk menangani perubahan dan menjana pembelajaran yang bermakna amat penting bagi pembangunan minda murid. Malah kemajuan dunia yang pesat kini, memerlukan murid berupaya mencari ilmu pengetahuan, menguasai pelbagai kemahiran, dan dapat menggunakan pengetahuan yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Dalam konteks ini juga, Phillips (1992) berpendapat bahawa pengajaran di sekolah-sekolah masih kurang memberi penekanan dan perhatian kepada perkembangan daya pemikiran. Antara sebab yang paling nyata ialah pengakuan setengah-setengah guru bahawa mereka sendiri tidak tahu cara meningkatkan daya pemikiran pelajar mereka. Guru-guru sudah biasa mengajar pelajar untuk menghadapi peperiksaan dan ragu-ragu apabila dicadangkan supaya daya pemikiran pelajar dikembangkan. Mereka juga berpendapat bahawa mengajar pelajar menguasai maklumat untuk peperiksaan dan mengembangkan daya pemikiran adalah dua matlamat yang berlainan dan bercanggah.

Namun terdapat juga beberapa sebab mengapa pengajaran pemikiran tidak ditekankan. Hal ini kerana ada di kalangan guru yang berpendapat bahawa pelajar perlu terlebih dahulu menguasai semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum mereka digalakkan berfikir. Selain itu, ada juga setengah guru yang lebih mengutamakan penghafalan fakta dan kurang menggalakkan supaya pelajar berfikir tentang fakta yang dipelajari iaitu 'mengetahui apa' sambil mengabaikan cara

menggunakan atau mencari maklumat sendiri iaitu 'mengetahui bagaimana'. Hal ini menyebabkan pelajar sangat bergantung kepada guru dan bertingkah laku impulsif, dogmatik, dan malas memberi pendapat.

Malah ada juga daripada kalangan guru yang berpendapat pengajaran kemahiran berfikir akan mengambil masa yang banyak serta membebankan guru. Oleh itu, adalah memadai jika pengajaran kemahiran berfikir ditumpukan kepada pelajar pintar sahaja.

Walau bagaimanapun, menurut Rajendran (2001) kesediaan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada beberapa aspek. Antaranya ialah, ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar kandungan mata pelajaran tersebut, dan sikap yang sesuai yang perlu dimiliki untuk mengajar Kemahiran Berfikir dalam sesuatu mata pelajaran. Malah guru juga perlu mengubah pemikiran guru untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang dituntut oleh inovasi pendidikan 1981 dan 1989 serta berkemampuan menangani pelbagai cabaran (Rajendran, 2001b).

Selain itu, pengajaran pembelajaran kemahiran berfikir memerlukan suasana bilik darjah yang memberangsangkan pelajar-pelajar supaya mereka turut serta dalam keseluruhan proses (Rajendran, 2001; Phillips, 1992). Oleh yang demikian, guru harus memastikan penglibatan pelajar yang aktif supaya pelajar dapat menerima pengalaman yang bermakna. Hal ini akan mendorong pelajar memikirkan tentang apa mereka belajar jauh lebih lama dari masa di kelas.

Namun berbalik kepada persoalan adakah guru faham dan dapat mengendalikan pengajaran mereka yang memberi penekanan kepada kemahiran berfikir didapati respons guru-guru ini berbeza secara signifikan dalam persepsi mereka dari segi ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mereka untuk mengajar BM

atau BI berbanding dengan ilmu pengetahuan berhubung dengan KBAT (Rajendran, 2001).

Oleh yang demikian, jelas penekanan telah diberikan terhadap perkembangan kemahiran berfikir namun dari segi pelaksanaannya jelas memperlihatkan kelemahan. Malah menurut Abd Rahim (1999) dalam bukunya Pendidikan Sejarah, pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bersifat 'reproduction' iaitu mengeluarkan semula apa yang dipelajari. Ini diperkukuhkan lagi oleh corak dan pendekatan ujian, penilaian, dan peperiksaan yang cenderung setakat menguji pengetahuan yang telah dipelajari. Beliau juga turut menegaskan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah kurang menekankan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (*Higher Order Thinking Skills*) yang mencabar kecekapan, kebolehan, dan daya intelektual pelajar. Malah amalan pengajaran mata pelajaran Sejarah di bilik darjah kurang menekankan kepada strategi-strategi mengembangkan kemahiran berfikir seperti penyoalan, perbincangan, dan inkuiri penemuan. Beliau juga menyatakan proses pembinaan minda kurang ditekankan dalam kurikulum, pendekatan pedagogi, pembinaan bahan (contohnya buku teks) dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menjadikan mata pelajaran Sejarah kurang menarik dan tidak mencabar minda serta daya intelektual pelajar (Abd Rahim, 1999).

Walaupun, terdapat pelbagai objektif yang telah ditetapkan dalam kurikulum Sejarah seperti membolehkan pelajar menganalisis, merumus, dan menilai fakta-fakta Sejarah secara rasional (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Namun suatu usaha yang eksplisit diperlukan untuk mengembangkan Kemahiran Berfikir pelajar secara rasional, kritikal, dan kreatif dalam kurikulum. Usaha ini boleh berjaya dengan pengenalan pengajaran Kemahiran Berfikir di sekolah-sekolah. Malah dalam usaha memberi penekanan kepada pengajaran Kemahiran Berfikir, kandungan kurikulum

juga jelas memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran berfikir yang membolehkan pelajar menganalisis, membuat sintesis, menilai, membuat keputusan, dan menjana idea yang konstruktif dan berguna (Rajendran, 2000).

Oleh yang demikian, matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam kurikulum amat jelas tetapi hanya dapat dicapai apabila guru berjaya melaksanakan kurikulum tersebut dengan berkesan. Malah terdapat beberapa faktor yang membawa kepada keberkesanan pengajaran guru. Antaranya ialah tafsiran guru terhadap kurikulum Sejarah itu sendiri. Di sini guru perlulah jelas tentang matlamat dan objektif Pendidikan Sejarah yang akan dapat membantu guru menentukan strategi dan kaedah yang perlu digunakan dalam usaha mengembangkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di kalangan pelajar (Rosli, 1998).

Malah dalam kajian yang dijalankan oleh Khairi (2000) Kemahiran Berfikir Secara Kritis dalam Pengajaran Sejarah Perspektif Murid Tingkatan Empat di Teluk Intan, bertujuan melihat perspektif pelajar Tingkatan Empat terhadap pengajaran kemahiran berfikir secara kritis dari sudut pandangan guru Sejarah. Kajian ini bertujuan melihat sejauh manakah guru Sejarah menunjukkan pengajaran kemahiran berfikir secara kritis yang menekankan aspek-aspek dalam Taksonomi Bloom. Kajian ini juga melihat kaedah dan cara-cara yang digunakan oleh guru Sejarah dan bentuk-bentuk penyoalan yang ditekankan oleh guru Sejarah. Oleh yang demikian, ini jelas menunjukkan bahawa komponen kemahiran berfikir telah wujud dan bergantung kepada tafsiran guru dan bagaimana guru dapat merancang dan melaksanakan KBAT dalam kelas.

Manakala Rosli (1998) yang mengkaji Kesan Pengajaran Kemahiran Berfikir Kritis Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Sejarah Tingkatan Dua, turut membincangkan bahawa guru memainkan peranan dalam melaksanakan pengajaran

kemahiran berfikir secara kritis dan bagaimana reaksi pelajar dan pencapaian pelajar terhadap pengajaran kemahiran berfikir dapat meningkatkan lagi pemahaman dan pencapaian pelajar. Kajian ini, juga memberi implikasi bahawa kemahiran berfikir secara kritis sesuai diajar secara eksplisit dan disebutkan dalam isi kandungan pelajaran dan pelaksanaan pengajaran Kemahiran Berfikir. Beberapa aspek perlu diambil kira seperti kebolehan sedia ada, teknik penyoalan, pengurusan bilik darjah, teknik penyusunan grafik, dan latihan yang dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir yang telah dipelajari dan tempoh masa pengajaran yang lebih lama dapat memberi kesan yang lebih positif untuk mengembangkan kemahiran berfikir.

Namun dalam kajian yang dijalankan oleh Kalanity (1999) tentang Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu jelas menunjukkan kemahiran berfikir yang dikenal pasti seperti kemahiran mengumpul dan mengguna maklumat, kemahiran membuat keputusan, kemahiran membuat inferens, dan kemahiran membentuk analogi. Walau bagaimanapun, dapatan analisis menunjukkan corak pengagihan yang tidak seimbang dan peratusan yang sangat rendah untuk kategori kemahiran menjelaskan analogi dan kemahiran membentuk inferens dan analogi. Hal ini jelas menunjukkan penekanan untuk kategori-kategori kemahiran ini tidak diberikan dan secara tidak langsung menunjukkan komponen KBAT tidak ditekankan.

Malah dalam kajian yang dijalankan oleh Maharom (1998) tentang Analisis Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Bahan Kurikulum Menengah Rendah yang bertujuan melihat kewujudan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam buku teks Sejarah Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua serta soalan peperiksaan PMR. Dapatan analisis menunjukkan buku teks Sejarah Tingkatan Satu kurang mendedahkan pelajar kepada Kemahiran Imaginasi, Kemahiran Interpretasi, dan Kemahiran Kronologi manakala

buku teks Sejarah Tingkatan Dua pula kurang mendedahkan pelajar kepada Kemahiran Memahami Elemen Asas Sejarah, Kemahiran Interpretasi, dan Kemahiran Imaginasi. Walaupun kehadiran komponen KBAT dapat dilihat secara tidak langsung dalam beberapa ciri-ciri Kemahiran Pemikiran Sejarah namun ianya tidak diberi penekanan dalam buku teks. Malah kewujudan komponen KBAT secara langsung tidak dapat dipastikan kerana tiada kajian yang melihat kewujudan KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat.

Oleh yang demikian, kajian yang akan dijalankan bertujuan meneliti sama ada terdapat komponen atau unsur KBAT dalam kurikulum Sejarah dan sejauh manakah perincian dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat memperlihatkan unsur KBAT serta pada masa yang sama mengkaji bagaimana guru dan pihak pengurus kurikulum membuat pentafsiran mereka terhadap kurikulum yang sedia ada.

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Menyiasat sejauh mana perincian dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat memperlihatkan ciri-ciri komponen KBAT.
2. Meninjau tafsiran guru tentang komponen KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat.
3. Meninjau bagaimana Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat ini ditafsir oleh pegawai kurikulum di JPN dan penggubal kurikulum di PPK.
4. Melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam membuat tafsiran terhadap Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan bagaimana melaksanakannya.

1.5 Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah komponen KBAT terdapat dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat ?
2. Sejauh manakah perincian dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat memperlihatkan ciri-ciri KBAT ?
3. Adakah unsur KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dapat ditafsir oleh guru ?
4. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam membuat tafsiran dan pelaksanaan KBAT ?
5. Apakah tafsiran yang dibuat tentang komponen KBAT dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat oleh pegawai-pegawai kurikulum di JPN dan PPK?

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Takrif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Mengikut pengertian yang diberikan dalam domain kognitif Taksonomi Bloom (Bloom, 1956) terdapat enam aras kognitif atau peringkat. Dua peringkat yang pertama dilihat sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan empat aras seterusnya sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Dua aras yang pertama boleh diklasifikasikan sebagai aras yang rendah yang meliputi aras pengetahuan dan aras kefahaman. Manakala aras seterusnya seperti aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian diklasifikasikan sebagai aras tinggi. Aras aplikasi merujuk kepada kebolehan menggunakan pengetahuan kepada situasi yang baru. Corak pembelajaran ini mengehendaki tahap pemahaman yang lebih tinggi